

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**  
**MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN**  
**& KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

***SESI TOWNHALL PELAN INDUK KESEJAHTERAAN RAKYAT DI***  
***BANDAR :***

***ASPIRASI TAN SRI NOH OMAR***

**TARIKH**

**6 OKTOBER 2016**

**TEMPAT**

**PICC, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

1. Pertama-tamanya marilah kita merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kehendakNya jua, maka dapatlah kita berhimpun dalam satu majlis yang penuh bermakna ini.
2. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada anda semua yang sudi hadir hari ini ke Majlis Pelancaran Pelan Induk Kesejahteraan Penduduk di Bandar di dewan serba indah PICC, Putrajaya ini.
3. Secara peribadi, saya juga mengucapkan penghargaan atas sokongan tuan-tuan dan puan-puan kepada saya sejak saya menjawat jawatan sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan pada 28 Jun 2016.
4. Alhamdulillah saya bersyukur ke hadarat Allah S.W.T. dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak atas kepercayaan kepada saya untuk kembali menyertai barisan kabinet Malaysia dengan memberi portfolio yg baru iaitu menjadi Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
5. Alhamdulillah, saya yakin dengan tanggungjawab yang baru ini dan ia bukanlah satu kebanggaan kepada saya kerana sebelum ini saya pernah menjawat jawatan dan menjadi menteri, ada jawatan dan tiada jawatan dan semua ini saya pernah lalui.
6. Bermula pada 1995, saya menjadi Ahli Parlimen Tanjung Karang sebelum dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri pada 1999. Kemudian sebagai Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada 2004 dan Timbalan Menteri Pelajaran pada 2006. Kemudian pada 2008, saya dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi; dan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani dari 2010 hingga 2013.
7. Sehingga pelantikan saya pada Jun lalu, saya tiada dalam Kabinet. Ia tidak menjadi apa-apa kepada saya. Tempoh tersebut saya fokuskan kepada usaha mendekatkan lagi dengan rakyat dan membuka jalan bagi mengenal pasti isu-isu genting kepada rakyat di bandar.

8. Malah, pengalaman saya di kementerian lain seperti Pembangunan Usahawan Dan Koperasi; dan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani turut membantu saya berhubung dan berinteraksi dengan rakyat dan golongan sasar.
9. Sesungguhnya, saya berasa amat bertuah kerana sepanjang kerjaya saya ini diberi peluang untuk berkhidmat di bawah kepimpinan tiga Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan kini tentunya, Datuk Seri Najib Tun Razak.
10. Jawatan menteri ini adalah satu amanah yang akan saya pikul untuk saya memberikan pembelaan kepada masyarakat dalam bandar khususnya untuk memerangi kemiskinan bandar yang menjadi wawasan kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

11. Saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada intipati Rancangan Malaysia ke-11 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 25 Mei tahun lalu.
12. Kata Perdana Menteri: ``Kesejahteraan rakyat adalah segala-galanya. Apa ertinya kemajuan tanpa sentosa dan bahagia mendatangi kehidupan``.
13. Ada pihak mengatakan wujud suasana pertentangan antara `isu rakyat di bandar dengan rakyat di luar bandar'. Apa orang bandar dapat, orang luar bandar juga dapat. Apa orang luar bandar dapat, tapi orang bandar tidak akan dapat. \*Contohnya, subsidi petani, penternak dan nelayan seperti baja dan insurans.
14. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak 74.2 peratus rakyat negara ini menghuni bandar-bandar atau 23 juta orang manakala 25.8 peratus lagi atau 10 juta tinggal di luar bandar.
15. Daripada itu, sebanyak 46.8 peratus atau 10.8 juta berusia antara 15 hingga 40 tahun; 24.4 peratus atau 5.6 juta berusia dibawah usia 14 tahun; 23.4 peratus atau 5.4 juta berusia antara 41-64 tahun manakala baki 5.5 peratus berusia 65 tahun ke atas.
16. Dalam konteks ini, kita berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana tidak melupakan keperluan rakyat di bandar. Kerajaan telah membina lebih banyak rumah mampu milik seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan MyHome. Bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan perubatan kerajaan telah membina lebih

banyak Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia. UTC dan RTC pula dibina bagi memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kerajaan. Banyak lagi pembangunan infrastruktur yang dibangunkan kerajaan, dan kerana inilah juga ekonomi kita tetap kukuh walaupun diasak pelbagai faktor luaran.

17. Perangkaan daftar kemiskinan (bandar) di bawah program eKASIH setakat 31 Jun 2016 yang dikumpul oleh Bahagian Kesejahteraan Bandar mencatat sejumlah 36,337 orang dalam kategori Miskin Tegar iaitu pendapatan isi rumah kurang daripada RM510.
18. Golongan miskin pula 85,511 orang iaitu pendapatan isi rumah kurang daripada RM840; seramai 3,197 orang dalam kategori Mudah Miskin iaitu pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,500. Sebanyak 176,493 orang pula dalam kategori Terkeluar iaitu memiliki pendapatan isi rumah lebih RM1,500.
19. Kita juga telah mengenal pasti isu-isu yang dihadapi oleh rakyat di bandar, antaranya, sukar membeli rumah disebabkan harganya melambung-lambung tinggi.
20. Inilah sebabnya kita menyatakan hasrat untuk mengkaji semula Dasar Perumahan Negara (DRN) yang akan berakhir pada tahun depan dengan menimbang campur tangan kerajaan dalam mengawal harga perumahan di negara ini. Di peringkat kementerian, kita sedang meneliti perkara-perkara penting termasuklah akan mendapatkan syor-syor daripada Majlis Profesor Negara bagi melaksanakan kajian semula terhadap dasar ini.
21. Kajian mengenai perkara itu mungkin boleh diperhalusi di peringkat kementerian ini terlebih dahulu, yang antara lain bagi menangani kenaikan harga perumahan selain membolehkan rakyat, khususnya berpendapatan rendah dan sederhana mempunyai kemampuan memiliki kediaman sendiri.
22. Ketika ini, kerajaan hanya mempunyai kuasa mengawal harga perumahan kos rendah yang berharga tidak lebih daripada RM42,000 serta berkeluasan antara 700 hingga 800 kaki persegi.
23. Melihat kepada dasar yang ada sekarang ini, harga rumah selain daripada kos rendah ditentukan mengikut pasaran bebas. Kita akan lihat nanti sama ada kalau ada cara kerajaan boleh mengawal harga perumahan di negara ini bagi membolehkan semua rakyat memiliki kediaman sendiri mengikut kemampuan mereka.

24. Sementara itu, wujud keperluan untuk kerajaan menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi untuk rakyat di bandar iaitu Projek Perumahan Rakyat (PPR) di mana Kerajaan Persekutuan bina dan serah kepada Kerajaan Negeri untuk mengagihkannya kepada pemohon yang layak.
25. Mengikut statistik terkini sehingga Oktober 2016, sebanyak 169 projek pembinaan rumah berstatus 'dalam rancangan, yang sedang dibina dan yang sudah disiapkan' di seluruh negara, adalah sebanyak 102,896 unit rumah. Daripada jumlah ini, 113 projek telah disiapkan, membabitkan 80,252 unit rumah. Sebanyak 14,892 unit lagi sedang dibina daripada 32 projek dan sebanyak 7,752 unit dalam perancangan.
26. Kuala Lumpur dengan 26 projek, merupakan bilangan unit rumah tertinggi disiapkan iaitu 34,363 unit, dengan 500 unit lagi sedang dalam pembinaan. Ini disusuli Sabah dengan 17,396 unit rumah sudah disiapkan manakala 6,203 unit lagi sedang dibina serta 1,600 unit lagi dalam perancangan. Tempat ketiga terbanyak ialah Johor dengan 8,278 unit sudah siap, sebanyak 619 sedang dibina dan 800 unit lagi dalam perancangan.
27. Selangor, negeri saya sendiri didapati hanya menyediakan 5,584 unit iaitu 6,184 unit telah siap daripada empat projek dan 900 unit lagi sedang dirancang untuk dibina.
28. Inilah yang saya katakan kurangnya kerjasama dan minat daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan perumahan mampu milik untuk rakyat di bandar.
29. Projek PPR Kg Hassan di Hulu Selangor, sebanyak 300 unit dibina, seramai 232 keluarga telah bersetuju untuk menerima tawaran dan 88 daripadanya sudah menerima kunci rumah. Seramai 68 lagi kini dalam proses Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Jabatan Perumahan Negara.
30. Kita faham isu-isu yang masih berlarutan iaitu sukar mendapat pinjaman bank dan kita ada memiliki data pemohon yang gagal mendapat pinjaman. Atas sebab itu, kita memperkenalkan inisiatif Sewa Milik atau RTO, untuk semua pembeli rumah di bawah skim Projek Perumahan Rakyat.
31. Pelaksanaan inisiatif RTO di bawah kementerian ini yang telah diluluskan oleh Kabinet, diharap mampu menyelesaikan masalah tertunggak yang telah lama dihadapi pembeli rumah. Kita amat maklum dengan rungutan pembeli rumah di mana permohonan mereka tidak diluluskan bank, berikutan pendapatan mereka tidak memenuhi syarat bank yang ketat. Dalam hal ini, kita berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana meluluskan inisiatif RTO ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati;

32. Sebanyak 40,536 daripada 40,923 kes yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) berjaya diselesaikan sepanjang 1 Januari 2003 hingga 31 Julai lalu. Bagi Tribunal Pengurusan Strata (TPS) pula, sebanyak 794 daripada 1,687 kes berjaya diselesaikan bermula dari 2015 hingga Julai lalu. Peningkatan jumlah pemfailan kes didapati meningkat sejak kebelakangan ini ekoran kesedaran rakyat membabitkan hak mereka sebagai pembeli kediaman.
33. TTPR adalah alternatif untuk menyelesaikan pertikaian mengenai perumahan antara pembeli rumah dan pemaju perumahan manakala TPS yang diwujudkan sejak 1 Julai 2015 bagi menyelesaikan tuntutan membabitkan soal pengurusan strata.
34. Kejayaan ini merupakan hasil usaha kerajaan yang menambah bilangan mahkamah daripada tujuh kepada 12 buah bermula tahun ini serta melantik presiden baharu terdiri pengamal undang-undang untuk membicarakan prosiding. Kini terdapat sebanyak 10 Presiden TTPR dan 22 Presiden TPS.
35. TTPS adalah agensi yang berkesan untuk melindungi hak rakyat yang membeli rumah dan pihak yang berkepentingan dalam urusan strata, serta dalam menyelesaikan tuntutan mengenai isu-isu mengenai perumahan dan pengurusan strata. Kita mahu terus meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang peranan dan fungsi TPS dalam melindungi hak rakyat sebagai pembeli rumah dan pihak yang berkepentingan dalam urusan strata.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi;

36. Satu lagi masalah yang menjadi rungutan penduduk PPR ialah perkhidmatan lif. Kita cadangkan agar ditambah kemudahan lif dan memperluaskan unit kediaman rumah di bawah PPR. Lif adalah umpama sebatang jalan raya. Jika jalan raya berlubang, tentulah sulit kenderaan hendak berjalan lancar. Begitu juga lif.
37. Cadangan ini melibatkan rumah strata lima tingkat ke atas untuk kemudahan lif manakala keluasan rumah dipertingkat daripada 700 kaki per segi kepada 800 kaki per segi.
38. Penambahbaikan seperti ini sudah tentu meningkatkan tahap keselesaan kepada penduduk PPR yang ketika ini boleh dikatakan tinggal dalam rumah yang sempit, bersedak dengan bilangan keluarga yang ramai dan ada waktunya terpaksa menaiki puluhan anak tangga apabila lif rosak atau tiada langsung kemudahan itu.

39. Keadaan diburukkan lagi apabila berlakunya gangguan bekalan air yang memerlukan mereka turun naik untuk mengangkut air, berlakunya kematian atau ada penghuni yang sakit memerlukan rawatan segera ke hospital. Pernah berlaku, kesulitan dihadapi dalam membawa turun jenazah akibat kerosakan lif dan terpaksa diusung dalam keadaan tegak.
40. Kemudahan ini secara langsung akan menambahkan kualiti kehidupan warga PPR yang sudah tentu juga ingin menikmati keselesaan seperti orang lain. Kita berharap cadangan ini dapat dilaksanakan kerana bagi kebanyakan kita rumah adalah ibarat syurga dan segala-galanya bermula di rumah. Kita mahu penduduk di PPR seakan duduk di sebuah kondominium, tidak semestinya mewah dengan rumah kelab dan kolam renang, tetapi memiliki kemudahan yang lengkap seperti klinik, kedai-kedai, ruang meletak kereta yang mencukupi, keselamatan tinggi, kemudahan lif yang disenggara baik. Kita mahu melakukan perubahan 'facelift' kepada PPR yang tebal dengan stigma perumahan murah, tiada padang permainan, lif selalu rosak, tidak bersih dan tidak selamat.
41. Kerajaan juga membelanjakan sejumlah RM42.6 juta bagi program penyenggaraan perumahan awam dan tabung penyelenggaraan 1Malaysia (pemaju swasta) bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.
42. Kita juga mengadakan program bantuan baik pulih rumah daif di bandar membabitkan 1,597 unit rumah sehingga 30 Jun 2016, dengan penerima terbesar ialah Kelantan 280 unit; Melaka 275 unit dan Sarawak 269 unit.
43. Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan bagi membantu masalah rakyat menyaksikan bantuan disalurkan untuk 146 unit iaitu 54 unit dibawah Kementerian Pertahanan dan 92 unit Jabatan Bomba dan Penyelamat.
44. Program Azam Bandar pula menyaksikan 1,374 orang mendapat manfaat daripadanya manakala 1,800 menerima bantuan Titipan Kasih dan 179 kelulusan bagi kios penjaja bandar.
45. Kita juga mahu menambah bilangan Rumah Transit 1Malaysia pada tahun hadapan dan akan membuat kediaman jenis studio bagi membantu generasi muda yang terpaksa menyewa bilik dengan harga yang tinggi. Ia lebih sesuai dijadikan penempatan sementara dan kita hanya akan sewakan rumah itu dengan kos yang lebih rendah.

46. Program Rumah Transit 1Malaysia ini dilancarkan pada awal 2014, bertujuan mengurangkan beban pasangan suami isteri yang berpendapatan rendah dalam memulakan kehidupan dan memiliki rumah sendiri.
47. Perancangan ini dilaksanakan kerana golongan ini dilihat memerlukan masa untuk menyimpan wang dan menstabilkan ekonomi keluarga serta berdepan kekangan untuk mengumpul dana bagi pembelian rumah pertama. Kementerian kini mengendalikan program Rumah Transit 1Malaysia di PPR Pinggiran Bukit Jalil di ibu negara.
48. Kita ingin merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri yang telah meluluskan bantuan berbentuk dana bagi merealisasikan program mesra rakyat ini.
49. Di pihak kementerian, kita juga proaktif dengan mengadakan sesi turun padang untuk mendengar dan meneliti secara langsung permasalahan yang dihadapi rakyat. Ini termasuk program yang saya sendiri lakukan seperti Gotong Royong Perdana Lembah Subang 1; Rumah Terbuka Penduduk Perumahan Sg Long; Majlis Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kejiranan Indah & Pelancaran Program Transformasi Sosial Rumah Pangsa Sri Bandar, Port Dickson, Negeri Sembilan; Majlis Pecah Tanah PPR Sri Iskandar di Perak, Melawat PPR di sekitar Kota Kinabalu dan sebagainya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

50. Masalah denggi adalah isu yang membelenggu bandar-bandar besar di seluruh negara. Wabak denggi ini masih merupakan tertinggi di negara ini terutama Selangor. Setakat 25 September 2016, Selangor mencatat 42,430 kes daripada 81,523 kes di seluruh negara.
51. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan dari 3 Januari 2016 hingga 25 September 2016 adalah sebanyak 81,523 kes dengan 182 kematian. Sebanyak 64 kematian dilapor di Selangor dan 16 di Kuala Lumpur dan Putrajaya.
52. Masalah denggi ini berkait rapat dengan isu pengurusan sampah. Data kutipan sisa kitar semula daripada SWCorp dari September 2015 hingga Mac 2016 menunjukkan peningkatan ketara dari bulan ke bulan iaitu 73,487 kilogram pada September 2015 meningkat dua kali ganda kepada 141,659 kg pada Mac 2016.



53. Pecahan yang dirumus oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara pada 2012 pula mendapati sisa makanan merupakan 44.5% daripada keseluruhan sisa pepejal dengan bahan plastik sebanyak 13.2% dan lampin pakai buang 12.1%.
54. Untuk melupus sisa pepejal ini, negara memiliki 161 tapak pelupusan sisa pepejal yang dipecahkan kepada dua kategori iaitu sanitari sebanyak 14 buah dan bukan sanitari 147 buah. Insinerator pula hanya 4 buah.
55. Sebanyak 142 tapak pelupusan di seluruh negara telah ditamatkan operasi atas pelbagai faktor seperti sudah terlalu penuh. Kita menerima sebanyak 516 permohonan untuk lesen pengurusan sisa pepejal setakat 30 Jun lalu, dengan 318 telah diluluskan, 143 pula dalam proses penilaian manakala 55 telah ditolak.
56. Satu daripada langkah yang diambil kerajaan ialah melaksanakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 atau Akta 672 di tujuh buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang antara lain mengkehendaki individu melakukan pengasingan sisa pepejal.
57. Setiap tahun kerajaan memperuntukkan kira-kira RM2.2 bilion untuk memastikan kawasan persekitaran di seluruh negara berada dalam keadaan bersih.
58. Kita juga telah mengarahkan pegawai kementerian ini untuk mengkaji semula dasar dan sistem sedia ada bagi menambah baik dan mencari rumusan holistik seperti menaik taraf tapak pelupusan sampah dan membaik pulih sistem insinerator.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

59. Ramai yang terjebak meminjam wang dengan Ah Long atau premis tidak berlesen kerana tidak mengetahui bahawa kementerian ini bertanggungjawab mengeluarkan lesen dan permit iklan untuk pemberi pinjam wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 atau juga dikenali sebagai Akta 400.

60. Kita mahu menyemak semula undang-undang ini, yang turut meliputi pemberi pinjam wang dan pajak gadai. Kita akan menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat bagi mengelakkan kemungkinan adanya salah guna lesen pemberi pinjam wang dan pajak gadai. Misalnya, ada kes kita dapati peminjam wang hanya memiliki modal berbayar RM1 juta tetapi mengeluarkan pinjaman sehingga RM10 juta. Bermakna wujud kemungkinan aktiviti pengubahan wang haram daripada hasil yang mencurigakan.
61. Untuk pajak gadai pula, kita tidak mahu pengendali menindas pelanggan. Lazimnya yang terpaksa memajak gadai adalah orang yang betul-betul tersepit dan susah. Kita mahu pastikan kadar faedah tidak melampau atau membebankan. Selain itu, kita juga mahu pastikan barangan yang dipajak itu bukan harta curi atau seludup.
62. Kita juga prihatin kepada kesulitan pembeli rumah untuk membuat pembayaran pendahuluan dan kita memikirkan perlu diwujudkan suatu kaedah 'jambatan penyambung' atau bridger untuk menutup jurang. Misalnya, seseorang pembeli membeli rumah bernilai RM300,000 tetapi bank hanya memberi pinjaman setakat 80% iaitu RM240,000 dan dicampur dengan pengeluaran KWSP pun hanya dapat RM30,000. Bermakna pembeli masih perlu mencari wang tunai RM30,000.
63. Atas faktor ini, kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan supaya pemaju perumahan diberi lesen pemberi pinjaman kewangan untuk membantu pembeli rumah yang menghadapi kesukaran mendapat pinjaman bank dan menangani masalah bayaran pendahuluan.
64. Kita memikirkan kaedah ini boleh dilaksanakan menerusi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 atau juga dikenali sebagai Akta 400 dengan mensyaratkan pemaju perumahan menetapkan **kadar faedah yang hampir setara** dengan yang ditawarkan oleh bank.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

65. Atas faktor inilah, kita melaksanakan inisiatif memperkenalkan Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat di Bandar. Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai kementerian pada bulan pertama saya di sini, untuk melaksanakan teras-teras pelan induk tersebut.

66. Tuan-tuan dan puan-puan yang budiman, adalah kumpulan yang menyertai sesi *townhall* ini dan juga bengkel khas selepas ini, bagi mendapatkan idea-idea, maklum balas dan pendekatan terbaik. Anda adalah kumpulan masyarakat yang paling dekat dengan kehidupan seharian rakyat di bandar.
67. Pentingnya peranan tuan-tuan, puan-puan dalam hal ini kerana anda berperanan membantu kerajaan menyalurkan bantuan kepada rakyat di bandar, anda juga diberi tanggungjawab sebagai penghubung rakyat dan kerajaan, serta membantu kerajaan untuk mengenal pasti isu rakyat di bandar, dan kemudian membantu kerajaan untuk menyalurkan isu kepada kerajaan dan seterusnya berkongsi maklumat kepada rakyat di bandar.
68. Fungsi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk atau JPP, secara amnya membantu kerajaan dan rakyat untuk berhubung dan menyelesaikan isu berbangkit. Sehingga kini, terdapat seramai 22,790 orang menganggotai JPP di 98 kawasan Pihak berkuasa Tempatan (PBT) di 11 negeri. Betapa pentingnya peranan JPP tidak dapat diukur dengan nilai mata wang. Ini kerana anda yang menyertai JPP adalah secara sukarela iaitu mahu berbakti kepada masyarakat setempat dengan kediaman anda. Bukan gaji atau elaun yang menjadi dorongan. Elemen ini merupakan faktor pendorong utama kepada kejayaan fungsi anda sebagai anggota JPP.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati;

69. Berikut adalah 10 teras Pelan Induk Kesejahteraan Penduduk di Bandar:

#### **1) PEMBINAAN INSAN**

Di bawah teras ini, kita bercadang untuk menyediakan **Kem Percutian Remaja Bandar**. Kem ini akan didedikasikan untuk memantapkan akhlak dan pengisian rohani para remaja tetapi pada masa yang sama, ia akan dibentuk untuk mengikut acuan remaja. Salah satu aktiviti yang akan dikenalkan di Kem Percutian ini adalah kelas pendidikan agama. Selain itu, peserta-peserta kem percutian ini akan dilibatkan di dalam aktiviti *community outreach* ataupun aktiviti sukarela sosial untuk memupuk nilai murni dan kesedaran sivik di kalangan mereka.

Juga, kita bercadang untuk menganjurkan **Program Jaya Diri** untuk mewujudkan masyarakat yang berdikari yang tidak lagi akan hanya bergantung dan mengharapkan bantuan kerajaan. Kita bercadang untuk mengadakan kursus percuma seperti kursus

pengurusan wang atau pengurusan kekeluargaan kerana ini boleh meningkatkan kemahiran insaniah dan ianya akan sedikit sebanyak membantu masyarakat supaya boleh lebih berdikari.

## 2) PENDIDIKAN

Daripada aspek pendidikan, kita bercadang untuk mewujudkan **Kelas Tuisyen Rakyat 1Malaysia (TR1M)** di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah. TR1M akan disediakan secara percuma bagi pelajar-pelajar untuk meningkatkan tahap pembelajaran mereka supaya mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan-peperiksaan utama dan ini akan menghebatkan promosi peluang pembelajaran di peringkat universiti. Akan tetapi, TR1M bukan hanya sekadar untuk pendidik konvensional, ianya akan juga merangkumi aspek pendidikan tidak formal. Ini kerana kita ingin menyediakan lebih pilihan kepada pelajar berdasarkan minat dan kemampuan mereka. Salah satu kelas pengajian yang tidak konvensional yang akan diperkenalkan di pusat-pusat TR1M adalah Kelas Pertanian Bandar ataupun Kelas Pertukangan. Dengan memperkenalkan kelas-kelas ini, ia akan menghebatkan peluang kemasukan pelajar-pelajar ke pusat kemahiran.

Selain itu, kita juga bercadang untuk memperkenalkan **Kuota Khas** untuk golongan miskin bandar untuk kemasukan ke Sekolah Berasrama ataupun Sekolah Berprestasi Tinggi. Bantuan kewangan juga akan diberikan kepada golongan miskin bandar ini.

Pada peringkat kanak-kanak bawah 7 tahun pula, kita bercadang untuk menyediakan **Taska Percuma 1Malaysia (TASP1M)** bagi memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak. Di taska-taska ini, sistem pembelajaran yang tidak terlalu ***rigid*** akan diguna pakai bagi membolehkan kanak-kanak berfikir secara lebih kreatif.

## 3) EKONOMI

Bagi aspek ekonomi pula, kita bercadang untuk memperkenalkan **Skim Pendapatan Sampingan**. Di bawah skim ini, kita akan mewujudkan peluang pendapatan sampingan bagi golongan-golongan seperti suri rumah supaya mereka boleh menjana pendapatan daripada rumah. Kita akan menyediakan sistem perniagaan secara atas talian serta mewujudkan platform promosi dan pemasaran.

Kita juga bercadang untuk menyediakan **Program Usahawan Bergerak**, di mana kita akan memberi peluang kepada usahawan-usahawan untuk berniaga melalui motosikal ataupun ***foodtruck***.

Salah satu inisiatif yang akan diambil untuk memastikan ***sustainability*** perniagaan yang disebut, kita bercadang untuk menyediakan **Kelas Pembangunan Usahawan**. Kelas-kelas seperti kelas perniagaan, kemahiran, latihan dan bantuan peralatan akan dilaksanakan bagi membantu usahawan ataupun peniaga untuk berjaya dan pada masa yang sama akan memberi mereka sudut pandangan yang lebih kreatif bagi meluaskan perniagaan mereka di masa hadapan tanpa memerlukan pertolongan kerajaan.

#### **4) PERUMAHAN**

Bagi memastikan rumah mampu milik mencukupi untuk populasi M40 dan B40, kita bercadang untuk memperkenalkan **Perumahan Rumah Mampu Milik** yang lebih mantap dan teliti. Di bawah program ini, kita akan membina rumah mampu milik yang mencukupi dan akan memastikan rumah-rumah ini dibina di lokasi-lokasi strategik dan akan mempunyai akses kepada pengangkutan awam. Selain itu, kita akan memastikan rakyat Malaysia diberi keutamaan dengan mengawal pembelian rumah oleh warga asing.

Konsep **Bumbung Untuk Semua** juga akan diperkenalkan di mana rumah-rumah tersebut boleh dibeli atau disewa. Bagi yang ingin membeli, kita akan menyediakan kemudahan pinjaman perumahan yang lebih fleksibel.

Sama seperti yang telah saya huraikan awal tadi berkenaan isu perumahan, satu lagi program yang dicadangkan adalah **Program Rumah Transit Belia**. Program ini disasarkan bagi golongan belia di bawah umur 40 tahun dan sudah berkahwin. Kita akan menyediakan perkhidmatan rumah transit bersaiz 400-440 kaki persegi supaya mereka boleh menduduki rumah tersebut seperti rumah mereka sendiri. Inisiatif transit ini, secara amnya adalah untuk mengurangkan beban bagi golongan ini. Sementara golongan ini menstabilkan situasi kewangan mereka, rumah transit akan disewakan kepada mereka pada kos yang rendah. Apabila mereka lebih stabil ataupun mencapai usia lebih dari 40 tahun, mereka akan mampu untuk membeli rumah tersendiri.

## 5) KEMUDAHAN ASAS

Dari segi aspek kemudahan asas pula, pertama sekali, kita akan meningkatkan kemudahan lif di perumahan strata melalui **Projek Pemulihan dan Pembaikan Lif**. Jumlah lif akan ditambah dan kemudahan seperti kad akses akan diperkenalkan. Dengan melaksanakan peningkatan kemudahan lif ini, tidak akan berlaku lagi insiden seperti insiden jenazah berdiri. Juga, peningkatan kemudahan lif ini akan memberi akses mudah kepada para ambulans atau ahli-ahli kecemasan lain.

Keduanya, kita akan meningkatkan kemudahan tempat letak kenderaan dengan memperkenalkan **Program Parkir 1Malaysia** yang akan menambah jumlah tempat letak kenderaan. Ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mengurangkan kenderaan-kenderaan yang parkir secara tidak sah.

## 6) PENGANGKUTAN

Daripada aspek pengangkutan pula, kita akan menambahbaik mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Kita bercadang untuk memperkenalkan **Program Bas Sekolah Awam** iaitu menyediakan bas sekolah di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah secara percuma. Bas-bas sekolah yang akan disediakan akan sering dipantau bagi memastikan ianya selamat, tiba setepatnya dan mencukupi.

## 7) KESELAMATAN

Daripada aspek keselamatan pula, kita akan memperkukuhkan keselamatan dan ketenteraman awam. **Program Perlindungan Rakyat** akan diwujudkan bagi mengukuhkan penguatkuasaan dan secara tidak langsung meningkatkan perasaan selamat di kalangan rakyat bandar. Lebih lagi, bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan penduduk bandar, CCTV dan pagar keselamatan di kawasan perumahan akan dipasang dan insentif akan diberikan kepada peserta **Skim Rondaan Sukarela**. Skim bertujuan untuk memperkasakan tahap keselamatan dan keselesaan penduduk bandar. Pada masa yang sama, hubungan kerjasama di antara penduduk dan agensi keselamatan akan dapat diperkukuhkan.

Kita juga akan meningkatkan kesedaran keselamatan kanak-kanak dengan mengadakan **program kesedaran dan pendedahan keselamatan kanak-kanak**. Pendidikan dan pencerahan tentang keselamatan kepada kanak-kanak di sekolah

juga akan disediakan. Dengan ini, kanak-kanak dan ibu bapa akan lebih sedar tentang isu-isu keselamatan.

## 8) KESIHATAN

Daripada aspek kesihatan, kita bercadang untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat bandar. Warga bandar akan dididik akan pentingnya gaya hidup sihat. Ini akan dilakukan melalui program **Jom Sihat** di mana kita akan mewujudkan kelas-kelas bagi mendidik dan menyedarkan warga bandar tentang gaya hidup sihat. Ini akan membolehkan warga bandar mengamal gaya hidup sihat dengan cara yang betul. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kadar mortaliti dan mengurangkan jumlah rakyat yang berpenyakit. Juga, program **pemeriksaan kesihatan menyeluruh** secara percuma akan disediakan kepada golongan 40 tahun ke atas bagi memastikan tahap kesihatan mereka berada di tahap yang positif. Bagi warga emas pula, perkhidmatan **Mobile Nursing** akan disediakan bagi mereka yang terlantar supaya mereka tidak perlu dipindahkan ke tempat lain seperti rumah orang tua dan sebagainya.

Juga, kita bercadang untuk membina **Mini Klinik 1Malaysia (MIK1M)** di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Mini klinik ini akan dibuka setiap hari agar penjagaan kesihatan dan perubatan untuk golongan kurang berkemampuan terjaga.

Tidak dilupakan juga, kita akan mewujudkan kawasan perumahan dan persekitaran yang kondusif dan bersih. Kita akan mempertingkatkan program **gotong royong, menganjurkan program kesedaran kebersihan dan menguatkuasakan undang-undang kebersihan** yang lebih tegas.

## 9) KEMASYARAKATAN

Masyarakat yang sejahtera tidak akan wujud tanpa adanya **semangat kejiranan** yang kuat. Oleh itu aspek kemasyarakatan dipilih sebagai salah satu teras di dalam pelan induk ini dan kita menyarankan agar semangat kejiranan terus dieratkan. Teras ini akan menjadi kenyataan melalui aktiviti-aktiviti sosial seperti **gotong-royong bersepadu** dan juga **sukaneka** serta **Hari Keluarga**. Menjaga keselamatan juga

adalah penting di dalam masyarakat. Jadi di bawah teras ini kita akan memperkukuhkan keselamatan di kawasan kejiranan di samping dapat merapatkan hubungan silaturrahim dan mengambil berat di antara kaum di komuniti tersebut.

Selain itu juga, kita bercadang untuk menyediakan **pusat komuniti setempat** dengan kerjasama pemaju perumahan bagi membina **tapak pusat komuniti** tersebut. Pusat komuniti yang dicadangkan juga adalah bersifat **komprehensif** di mana penduduk setempat akan dapat melakukan pelbagai aktiviti kemasyarakatan di situ.

## **10) ALAM SEKITAR**

Lestari boleh didefinisikan sebagai kekal atau tidak berubah dan ini adalah perkara asas yang terkandung di dalam Teras Alam Sekitar. Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar berazam untuk mewujudkan perbandaran lestari. Dalam mencapai strategi teras ini, kita bercadang **memperbanyakkan kawasan hijau** kawasan bandar. Selain itu, kita juga akan mencadangkan agar penduduk bandar **mengusahakan tanah di sekitar mereka untuk pertanian**. Permodenan teknologi masa kini banyak mengambil kira faktor yang mesra alam, jadi di bawah teras ini kita akan menggalakkan **penggunaan kenderaan awam yang mesra alam** seperti kenderaan hibrid, motosikal dan basikal elektrik. Sehubungan itu, program-program di bawah teras ini akan turut mencadangkan kemudahan sokongan seperti pengecas elektrik bagi memastikan keselesaan pengguna kenderaan mesra alam ini.

Selain itu, kita akan meningkatkan kemudahan pengurusan sisa pepejal di perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Dan bagi meningkatkan kesedaran tentang konsep 3R iaitu '*reduce, reuse, recycle*', **Program Kesedaran 3R** akan diteruskan dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya mengurangkan sampah, mengguna semula dan mengitar semula bahan bagi pilihan terakhir. Dengan melakukan sedemikian, kita akan mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan. Pada masa yang sama, kita akan mengelakkan pembuangan bahan yang boleh di kitar semula dan seterusnya mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal.



Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,

70. Adalah menjadi harapan kita agar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan menjadi 'Pusat Sehenti' untuk memberi kemudahan dan bantuan kepada rakyat di bandar dan bukan sekadar melepas batuk di tangga. Kita di sini berperanan mendengar dan menerima input daripada anda semua, dan kita akan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi memenuhi matlamat menyediakan suatu kehidupan yang selesa kepada rakyat di bandar.
71. Sokongan berterusan daripada tuan-tuan dan puan-puan sebagai **stakeholder** bakal memastikan aspirasi kita ini, bagi melaksanakan pelan induk Kesejahteraan Rakyat di Bandar akan direalisasikan dan menjadi satu realiti.
72. Langkah kerajaan termasuk Kementerian Kesejahteraan, Perumahan & Kerajaan Tempatan adalah manifestasi kesungguhan kerajaan untuk memastikan rakyat di bandar mendapat pembelaan dan perhatian sewajarnya.
73. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah hadir ke Majlis Pelancaran Majlis Pelancaran Pelan Induk Kesejahteraan Penduduk di Bandar dalam usaha kerajaan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di bandar. Semoga usaha murni kita ini diberkati Allah.

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

